

26/10/1999

Belanjawan alternatif hanya gimik

KUALA LUMPUR, Isnin - Manifesto dan belanjawan yang dikemukakan oleh parti pembangkang disifatkan sebagai sia-sia kerana semua yang dijanjikan sudah dilaksana atau sedang diamalkan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang kekal menguasai tampuk pemerintahan sejak negara mencapai kemerdekaan.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, menyifatkan pembentangan belanjawan alternatif yang dijadualkan Rabu ini, dua hari sebelum belanjawan sebenar dibentang di Dewan Rakyat, sebagai luar biasa dan tidak beretika.

"Saya sempat membaca manifesto 45 muka itu semalam dan menganggap ia sebagai satu cubaan barisan alternatif yang melucukan serta langsung tidak masuk akal dan tidak pernah saya lihat di mana-mana negara di dunia.

"Ini hanya gimik politik semata-mata yang tidak berpijak di bumi nyata dan mustahil mampu menandingi pencapaian serta pembangunan di bawah kerajaan BN kerana kandungannya hanya isu lapuk yang ketinggalan zaman," katanya.

Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh, menasihatkan orang ramai berhati-hati dengan janji-janji kosong yang dilemparkan parti pembangkang dalam Barisan Alternatif.

"DAP di depan orang Cina mengatakan mereka tidak bersetuju hasrat Pas menubuhkan negara Islam jika pembangkang berjaya memerintah, tetapi kali ini mereka diam mengenai isu itu," katanya sambil mengumpamakan Barisan Alternatif seperti kata pepatah "tidur sebantal tapi mimpi lain-lain".

Di ALOR STAR, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid berkata ketiadaan isu penubuhan negara Islam dalam manifesto Barisan Alternatif membuktikan pengaruh Pas amat lemah dalam pakatan parti pembangkang.

"Ini juga menunjukkan bahawa Barisan Alternatif sebenarnya dipimpin oleh DAP kerana kita tahu DAP dari awal bertegas menolak rancangan Pas menubuhkan negara Islam.

"Sehubungan itu, tiada sebab bagi penyokong tradisional Pas untuk kekal menyokong parti itu dan mereka dialu-alukan bersama Umno dalam mempertingkatkan perjuangan Islam," katanya.

Di KOTA BHARU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata pakatan Pas dalam Barisan Alternatif lebih berunsur paksaan hingga sanggup menggadaikan ideologinya dalam pelbagai aspek.

Beliau berkata, Pas berada dalam pakatan itu semata-mata kerana sudah berlembut dan mengetepikan segala perkara yang tidak dipersetujui ataupun ditentang oleh golongan lain seperti DAP.

"Mandat asal bahawa Pas nak buat negara Islam, kononnya nak ikut Perlembagaan Madinah, kini terbukti hanya karut semata-mata," katanya.

Manifesto 45 muka itu tidak membuat sebarang rujukan mengenai penubuhan negara Islam jika gabungan empat parti dalam Barisan Alternatif iaitu Pas, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), memenangi pilihan raya umum akan datang.

Di SEREMBAN, Pengerusi BN negeri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata orang ramai kini sudah mengetahui ideologi Pas yang selama ini melaung-laungkan slogan penubuhan negara Islam, hanya omong kosong.

"Semua orang kini tahu tembelang parti pembangkang ini yang tidak lain dan tidak bukan hanya untuk mendapatkan sokongan daripada pengundi, terutama daripada kalangan masyarakat Islam.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata

pemimpin yang berkeupayaan membangunkan negara dan kepemimpinannya diakui di seluruh negara dan perlu terus diberikan peluang untuk memimpin negara serta tidak perlu dihadkan tempoh jawatannya.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sudah memperlihatkan kemampuan dan kepemimpinannya di peringkat antarabangsa, negara perlukan kepimpinan beliau," katanya mengulas mengenai peruntukan manifesto Barisan Alternatif yang mengehadkan jawatan Perdana Menteri dan Ketua Menteri kepada dua penggal.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata pembentukan Barisan Alternatif tidak memberi kesan kerana rakyat tahu matlamat politik mereka.

Abdul Ghani berkata, tindakan parti pembangkang, Keadilan umpamanya, mendapat sokongan pihak luar bagi menjatuhkan kerajaan BN harus dipandang serius oleh setiap rakyat kerana ia boleh menjahanamkan kedaulatan negara.

Beliau berkata, rakyat perlu menolak pakatan itu dan tidak mudah terpengaruh dengan manifesto mereka kerana ia tidak menjanjikan apa-apa untuk rakyat yang memilih mereka.

Di PULAU PINANG, Pengerusi MIC negeri, Datuk Dr K Rajaphaty, berkata pakatan pembangkang melalui Barisan Alternatif tidak akan kekal lama kerana mereka berpakat semata-mata untuk menghadapi pilihan raya.

Katanya, manifesto yang mereka kemukakan sama sekali tidak menggambarkan bahawa parti itu akan dapat mencapai kata sepakat selepas pilihan raya.

(END)